



***PERBANDINGAN FAKTOR PENYUMBANG STRES DALAM KALANGAN
GURU PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH MENENGAH BERDASARKAN
DEMOGRAFI DI SELANGOR, MALAYSIA***

MOHD KHAIRUDIN BIN AB WAHID

FPP 2020 8



**PERBANDINGAN FAKTOR PENYUMBANG STRES DALAM KALANGAN
GURU PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH MENENGAH BERDASARKAN
DEMOGRAFI DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MOHD KHAIRUDIN BIN AB WAHID

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

September 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

**DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI
SELAWAT DAN SALAM KEPADA JUNJUNGAN NABI MUHAMMAD S.A.W.**

*Alhamdulillah Ya Allah
di atas limpah rahmatMu*

Doa buat yang disayangi

*Ayahanda Allahyarham HAJI AB. WAHID BIN AB. FATAH
bonda PN SULIMAH BINTI PARDI*

*Buat yang dicintai kerana Allah,
NORLIZA BT MD NURI*

**NUR NAIMI DINI, MUHAMMAD IQBAL DINI, MUHAMMAD NAZHAN DINI,
MUHAMMAD ILMAN DINI DAN NUR KHALISH DINI.**

*Penghargaan buat pensyarah penyelia,
PROF. SOH KIM GEOK, PHD.
BORHANUDDIN ABDULLAH, PHD.*

Jasa mu tetap dikenang

*Buat semua yang membantu ku
sepanjang pengajian masters of sains ku di UPM*

*Jutaan terima kasih semua
Jasa kalian Allah sahaja yang mampu membalaunya*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERBANDINGAN FAKTOR PENYUMBANG STRES DALAM KALANGAN
GURU PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH MENENGAH BERDASARKAN
DEMOGRAFI DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MOHD KHAIRUDIN BIN AB WAHID

September 2019

Pengerusi : Profesor Soh Kim Geok, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan: Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor penyumbang stres dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah di Selangor, Malaysia dan perbandingan faktor penyumbang stres berdasarkan demografi. **Kaedah:** Reka bentuk kajian rentasan (*cross-sectional*) dipilih dalam mengendalikan kajian tinjauan secara rentasan. Kajian melibatkan responden ($n=258$) 128 guru lelaki dan 130 guru perempuan opsyen Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan yang mengajar Pendidikan Jasmani sekolah menengah di Selangor. Instrument soal selidik digunakan dengan format *likert-scale* enam konstruk iaitu dilema kerjaya, perkembangan kerjaya, salah konsep kerjaya, keadaan persekitaran kerja, hubungan dalam pekerjaan dan status personal. Analisis statistik deskriptif, Ujian-t tidak bersandar dan ANOVA sehalia digunakan bagi menghuraikan dapatan kajian. **Dapatkan:** Lima faktor dikenal pasti sebagai penyumbang stres iaitu keadaan perkembangan kerjaya mencatatkan ($M=34.77$, $SD=4.48$), dilema kerjaya nilai ($M=35.26$, $SD=5.17$), keadaan persekitaran kerja dengan ($M=22.52$, $SD=3.58$), salah konsep kerjaya ($M=23.42$, $SD=4.03$) dan hubungan dalam pekerjaan ($M=27.09$, $SD=2.87$). Manakala dapatan kajian perbandingan penyumbang stres dalam kalangan guru PJ berdasarkan jantina menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan nilai faktor penyumbang stres perkembangan kerjaya berdasarkan jantina, perempuan ($M=34.80$, $SD=4.84$) lelaki ($M=35.72$, $SD=5.45$) dengan $t(256)=0.271$, $p=0.008<0.05$. Faktor penyumbang stres salah konsep kerjaya dengan pengalaman mengajar menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan nilai $F(3, 254)=3.95$, $p=0.009<0.05$. Perbezaan faktor penyumbang stres keadaan persekitaran kerja berdasarkan umur menunjukkan perbandingan nilai $F(2, 255)=3.524$, $p=0.031<0.05$. Seterusnya terdapat perbezaan yang signifikan faktor penyumbang stres salah konsep kerjaya berdasarkan gaji dengan nilai $F(3, 254)=2.763$, $p=0.043<0.05$. Begitu juga terdapat perbezaan yang signifikan pada tiga faktor penyumbang stres guru PJ iaitu dilema kerjaya $F(2, 255)=3.857$, $p=0.022<0.05$, manakala keadaan persekitaran kerja $F(2, 255) = 3.158$, $p=0.044<0.05$, serta faktor hubungan dalam pekerjaan $F(2, 255)=4.817$, $p=0.009<0.05$ berdasarkan kelulusan akademik. **Kesimpulannya:** Pihak yang berkaitan perlu

mengambil langkah yang bersesuaian bagi mengatasi dan mengurangkan perbezaan faktor penyumbang stres guru Pendidikan Jasmani di Selangor terutama pada kalangan guru PJ perempuan yang menghadapi stres kerja yang lebih tinggi berbanding guru PJ perempuan. Ini perlu dilakukan kerana guru merupakan aset negara yang penting dalam pembentukan generasi cemerlang.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirement for the degree of Master of Science

**COMPARING STRESS CONTRIBUTING FACTORS AMONG SECONDARY
SCHOOL PHYSICAL EDUCATION TEACHERS IN SELANGOR, MALAYSIA
BASED ON DEMOGRAPHICS**

By

MOHD KHAIRUDIN BIN AB WAHID

September 2019

Chairman : Professor Soh Kim Geok, PhD
Faculty : Educational Studies

Objective: This study was conducted to identify stress contributing factors among secondary school Physical Education(PE) teachers in Selangor, Malaysia and to compare stress contributing factors based on demographics. **Methods:** Cross-sectional study design was selected in conducting cross-sectional survey study. This study involved respondents ($n=258$) of 128 male and 130 female Physical Education and Sports Science teachers who teach Secondary Physical Education in Selangor. The questionnaire used consist of six-constructs likert-scale format namely career dilemma, career progression, misconceptions of career, work environment, work relationship and personal status. Descriptive statistical analysis, independent t-test and one-way ANOVA were used to describe the findings. **Findings:** The five contributing stressors were career development status ($M=34.77$, $SD=4.48$), career value dilemma ($M=35.26$, $SD=5.17$), work environment condition ($M=22.52$, $SD=3.58$), misconceptions about career ($M=23.42$, $SD=4.03$) and relationship at work ($M=27.09$, $SD=2.87$). Meanwhile, the findings of the comparative study of stress contributors among PE teachers showed a significant difference with the value of the contributing factors of career development stress based on gender, female ($M=34.80$, $SD=4.84$) male ($M=35.72$, $SD=5.45$) and $t(256)=0.271$, $p=0.008<0.05$. The stress contributing factors of misconception career of with teaching experience showed a significant difference with $F(3, 254)=3.95$, $p=0.009<0.05$. Comparison of stress contributing factor of working environment by age showed a value of $F(2, 255)=3.524$, $p=0.031 < 0.05$. There was a significant difference of stress contributing factors to a career-based concept with $F(3, 254)=2.763$, $p=0.043<0.05$. Similarly, there were significant comparisons of the three factors contributing to PE teacher's stress, namely, $F(2, 255)=3.857$, $p=0.022<0.05$, and $F(2, 255)=3.158$, $p=0.044<0.05$, as well as the factor of work relationship $F(2, 255)=4.817$, $p=0.009<0.05$ based on academic qualification. **Conclusions:** Relevant parties should take appropriate measures to address and reduce the comparative factors contributing to stress among Physical Education teachers in Selangor, especially among male PE teachers who face

higher work stress than female PE teachers. This is necessary because teachers are a valuable asset to the nation in educating and producing outstanding generations.



© COPYRIGHT UPM

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT yang maha pemurah lagi maha penyayang, segala puji bagi Allah tuhan sekelian alam.

Dengan izin Allah saya dapat menyelesaikan tugasan penulisan tesis ini dengan sempurna di pengajian peringkat master sains, banyak pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung.

Di ruangan ini, ingin saya merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan khas buat **Prof. Soh Kim Geok, PhD, Borhanuddin bin Abdullah, PhD dan PM. Ahmad Tajuddin Othman, PhD** pensyarah yang dedikasi, yang sentiasa memberikan tunjuk ajar dan galakkan, malah tidak pernah jemu membantu saya sepanjang proses menyiapkan penulisan tesis ini.

Penghargaan istimewa untuk isteri tercinta, **Norliza bt Md Nuri** dan anak-anak yang sentiasa memberikan sokongan moral, sabar serta menjadi sumber inspirasi kekuatan untuk menyelesaikan penulisan ini.

Terima kasih juga kepada sahabat saya **En. Shamsulariffin bin Samsudin, Tn.Hj Salleh bin Wasik, En. Zamzuri bin Zainol Abidin** dan semua teman yang ada terlibat membantu saya dalam menyiapkan penulisan tesis. Jasa kalian akan saya kenang sepanjang hayat. Penghargaan kepada Universiti Putra Malaysia, khususnya Fakulti Pengajian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan guru-guru PJ di Selangor yang menjadi responden.

Akhirnya hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala kebaikan yang telah diberikan kepada saya untuk menyelesaikan penulisan tesis ini dengan ganjaran yang setimpal. Aamiiin.

Terima kasih buat semua.

Mohd Khairudin bin Ab Wahid
GS 42031
0192636050

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Soh Kim Geok, PhD

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Borhanuddin bin Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 16 Julai 2020

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Mohd Khairudin bin Ab Wahid, GS42031

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Dr. Soh Kim Geok

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Borhanuddin bin Abdullah

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Persoalan Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Skop Kajian	5
1.8 Limitasi Kajian	6
1.9 Definisi Operasional	6
1.9.1 Faktor Penyumbang Stres Guru PJ	7
1.9.1.1 Dilema Kerjaya	7
1.9.1.2 Perkembangan Kerjaya	7
1.9.1.3 Salah Konsep Kerjaya	7
1.9.1.4 Keadaan Persekutaran Kerja	8
1.9.1.5 Hubungan dalam Pekerjaan	8
1.9.1.6 Status Personal	8
1.9.2 Umur Guru	8
1.9.3 Pengalaman Mengajar	8
1.9.4 Gaji Guru	8
1.9.5 Lokasi Tempat Mengajar	9
1.10 Rumusan	9
2 SOROTAN LITERATUR	10
2.1 Pendahuluan	10
2.2 Pengenalan Stres	10
2.3 Jenis-Jenis Stres	10
2.3.1 Eustres	10
2.3.2 Distres	11
2.4 Stres Guru	11
2.5 Teori dan Model Stres Guru	11
2.5.1 Teori stres oleh Cooper dan Marshall (1979)	12
2.5.2 Stres guru mengikut model Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni (1995)	12
2.6 Faktor Penyumbang Stres Guru	13

2.7	Demografi (Jantina, Umur, Pengalaman, Kelulusan Akademik, Lokasi Tempat Mengajar dan Gaji)	18
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	22
2.9	Rumusan	23
3	METODOLOGI KAJIAN	24
3.1	Pendahuluan	24
3.2	Reka Bentuk Kajian	24
3.3	Populasi kajian	25
3.4	Sampel Kajian	25
3.5	Instrumen Kajian	28
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	29
3.6.1	Penterjemahan	29
3.6.2	Kesahan Alat Instrumen	30
3.6.3	Kebolehpercayaan Instrumen	31
3.6.4	Kajian Rintis Instrumen	32
3.7	Prosedur kajian	33
3.8	Prosedur Penganalisisan Data	36
3.8.1	Analisis Deskriptif	36
3.8.2	Analisis Inferensi	38
3.8.2.1	Analisis Ujian- <i>t</i> Tidak Bersandar (<i>independent t-test</i>)	39
3.8.2.2	Analisis ANOVA Sehala	39
3.9	Rumusan	39
4	DAPATAN KAJIAN	40
4.1	Pendahuluan	40
4.2	Analisis Normaliti Taburan Data	40
4.2.1	Ujian Skewness dan Kurtosis	40
4.3	Latar Belakang Responden	41
4.4	Persoalan kajian 1: Apakah faktor penyumbang stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor	43
4.5	Persoalan Kajian 2: Adakah terdapat perbezaan faktor penyumbang stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan jantina	43
4.6	Persoalan Kajian 3: Adakah terdapat perbezaan faktor penyumbang stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan lokasi tempat mengajar	44
4.7	Persoalan kajian 4: Adakah terdapat perbezaan faktor penyumbang stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan pengalaman mengajar	45
4.8	Persoalan Kajian 5: Adakah terdapat perbezaan faktor penyumbang stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan umur	46
4.9	Persoalan Kajian 6: Adakah terdapat perbezaan faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan gaji	48
4.10	Persoalan Kajian 7: Adakah terdapat perbezaan faktor penyumbang stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan tahap akademik	50

4.11	Rumusan	51
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	53
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	53
5.2.1	Faktor Penyumbang Stres dalam Kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor	53
5.2.2	Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam Kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Jantina	54
5.2.3	Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam Kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Lokasi Tempat Mengajar	55
5.2.4	Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam Kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Pengalaman Mengajar	55
5.2.5	Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam Kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Gaji	56
5.2.6	Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam Kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Tahap Akademik	57
5.2.7	Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam Kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Umur	57
5.3	Rumusan Kajian	58
5.3.1	Rumusan Persoalan Kajian	58
5.3.2	Rumusan Metodologi Kajian	59
5.3.3	Rumusan Dapatan Hasil Kajian	60
5.4	Implikasi Kajian	62
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	63
RUJUKAN		65
LAMPIRAN		74
BIODATA PELAJAR		103
SENARAI PENERBITAN		104

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Populasi Guru PJ Mengikut Daerah Pendidikan di Selangor	25
3.2	Jadual Saiz Sampel Berdasarkan Populasi Kajian	26
3.3	Bilangan Saiz Sampel Kajian	27
3.4	Jumlah Sekolah dan Jumlah Responden Sampel Kajian	27
3.5	Kandungan Soal Selidik Faktor Stres Guru PJ	29
3.6	Penerimaan Nilai Cronbach Alpha	32
3.7	Kebolehpercayaan OSQ (Cronbach's Alpha)	33
3.8	Prosedur Menjalankan Kajian	34
3.9	Analisis Statistik untuk Menjawab Persoalan Kajian	36
3.10	Pengiraan Tahap Kategori Setiap Item	38
4.1	Analisis Skewness dan Kurtosis	41
4.2	Taburan Latar Belakang Responden Kajian ($N = 258$)	42
4.3	Taburan Min bagi Faktor Stres Guru PJ di Selangor ($N = 258$)	43
4.4	Analisis Ujian-t Tidak Bersandar Perbezaan Faktor Penyumbang Stres Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Jantina	44
4.5	Analisis Ujian-t Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Lokasi Tempat Mengajar	45
4.6	Analisis ANOVA Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Pengalaman Mengajar	45
4.7	Analisis Post-Hoc Tukey Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Pengalaman Mengajar	46
4.8	Analisis ANOVA Perbezaan Faktor Stres dalam kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Umur	47

4.9	Analisis Post-Hoc Tukey Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Umur	48
4.10	Analisis ANOVA Perbezaan Faktor Stres dalam kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Gaji	49
4.11	Analisis Post-Hoc Tukey Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Gaji	49
4.12	Analisis Anova Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Tahap Akademik	50
4.13	Analisis Post-Hoc Tukey Perbezaan Faktor Penyumbang Stres dalam kalangan Guru PJ Sekolah Menengah di Selangor Berdasarkan Tahap Akademik	51
5.1	Keseluruhan Analisis Data Persoalan Kajian	61

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Model stres guru	12
2.2	Kerangka konseptual kajian	22
3.1	Carta aliran persampelan	28
3.2	Aliran kerja penyelidikan	35

SENARAI SINGKATAN

PJ	Pendidikan Jasmani
OSQ	<i>Occupational Stress Questionnaire</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Profesjon perguruan merupakan suatu bidang perkerjaan yang telah dikenal pasti sebagai profesion yang mengalami stres tinggi (Ismail & Abdullah, 2019). Perubahan dalam pendidikan seperti peningkatan penggunaan teknologi maklumat dan kepelbagaian peranan guru, antara faktor yang menyumbang kepada stres. Guru di Malaysia tidak terkecuali merasai kesan stres ini kerana melaksanakan pelbagai tugas seperti mengajar di dalam kelas, menyemak dan menilai tugas murid, serta membuat perancangan pengajaran. Setiap guru juga perlu menyempurnakan tugas tambahan seperti hadir dan menjalankan aktiviti kokurikulum, aktiviti peningkatan profesionalisme serta aktiviti kemasyarakatan dalam program sarana persatuan ibu bapa (Tajulashikin, Fazura & Mohd Burhan, 2017). Guru juga ada yang terlibat dengan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran pengajaran serta pembelajaran seperti mengisi maklumat fail pelaporan murid, menguruskan pelaporan pencapaian pembelajaran dan kedatangan murid ke sekolah setiap hari termasuk pelbagai tugas tambahan yang tidak terjangka.

Keputusan kajian terhadap 356 orang guru di Klang pada tahun 2019, menunjukkan guru mengalami gejala kemurungan, keresahan dan stres yang tinggi (Zahiruddin & Vevehkanandar, 2019). Gejala kemurungan, kegelisahan, dan stres secara konsisten lebih kerap berlaku dalam kalangan guru yang mempunyai ciri sosiodemografi dan pekerjaan seperti jantina, status pendidikan, lokasi tempat tinggal dan tempat bertugas, jenis tempat tinggal, pengalaman serta pendapatan. Menurut Klassen dan Chiu (2010), guru yang biasa menghadapi kemurungan, kegelisahan, dan stres tinggi adalah dalam kalangan guru sekolah menengah. Langkah yang sewajarnya perlu diambil untuk memelihara dan meningkatkan kesihatan mental guru, melalui cara ini matlamat untuk menghasilkan pendidikan berkualiti tinggi dapat dicapai.

Berdasarkan kajian lain, terdapat lima faktor penyumbang stres guru dikenal pasti, iaitu kesilapan murid, beban tugas guru, kesukaran sumber dan masa, penghargaan, dan hubungan interpersonal. Faktor demografi seperti pengalaman mengajar, umur, dan gaji guru tidak dikaitkan dengan penentu stres (Chan, Chang, Chong, & Tang, 2015). Dapatkan kajian menunjukkan faktor stres dan tahap stres berbeza berdasarkan populasi guru serta instrumen kajian berlainan. Profesjon perguruan dan sistem pendidikan mengalami perkembangan pesat seperti peningkatan penggunaan teknologi maklumat, globalisasi, dan penswastaan yang berpotensi meningkatkan stres dalam kalangan guru. Penyelidik menjadikan Model stres guru Boyle (Boyle, Borg, Falzon, & Baglioni, 1995) sebagai sumber rujukan kajian ini. Model stress Boyle menyenaraikan faktor penyumbang stres guru adalah perlakuan murid, beban tugas guru, penghargaan kerjaya, bahan pengajaran, hubungan antara rakan.

Pentadbiran pengurusan akademik di sekolah menengah guru diagihikan mengikut bidang dan kumpulan mata pelajaran. Terdapat empat agihan bidang yang terdiri daripada bidang kemanusiaan, bidang bahasa, bidang sains matematik dan bidang teknik vokasional. Bidang kemanusiaan mengandungi mata pelajaran Sejarah, Geografi, Moral, Sivik, Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Jasmani Kesihatan. Kebanyakan kajian lepas adalah berkaitan dengan stres guru, menggunakan sampel guru secara umum tidak mengkhususkan guru mengikut mata pelajaran. (Tajulashikin et al., 2017, Skaalvik & Skaalvik, 2017 dan Zaidatol Akmaliah, Sdeghi, & Habibah, 2011). Namun demikian, tidak terdapat kajian secara khusus untuk mengenal pasti faktor penyumbang stres guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah di Selangor. Oleh itu, pengkaji berpendapat terdapat keperluan untuk melakukan kajian untuk mengenal pasti faktor penyumbang stres guru Pendidikan Jasmani.

1.2 Latar Belakang Kajian

Masyarakat pada masa kini sering mengalami stres yang dikaitkan dengan masalah kesihatan mental. Kehidupan manusia tidak terlepas daripada masalah stres yang menjadi sebahagian rutin yang perlu dilalui tanpa disedari (Hatta & Mohamed, 2002). Malah, keadaan masalah stres ini kian bertambah serius dan membimbangkan sejak kebelakangan ini. Guru di Malaysia juga tidak terlepas daripada mengalami masalah stres yang sering menjadi perbincangan hangat dalam kalangan jemaah menteri hingga dalam kalangan masyarakat, tambahan lagi permasalahan stres sering menjadi tajuk kajian penyelidikan kini.

Tajulashikin et al. (2017) menyatakan bahawa bidang perguruan merupakan profesi yang mengalami stres tinggi. Sewaktu menghadapi stres, pengalaman mengajar berperanan membantu guru membuat pertimbangan terbaik semasa menentukan keputusan dan tindakan mereka (Johari, Ismail, Osman & Othman, 2009). Kajian Johari et al. (2009) juga mengenal pasti kemahiran mengajar, membuat keputusan dan tindakan guru dipengaruhi oleh faktor pengalaman mengajar. Semakin berpengalaman seseorang guru itu, semakin baik keputusan dan tindakan sewaktu menangani stres. Menurut Awadhesh (2015), dalam kajianya mengenal pasti faktor penyumbang stres dalam kalangan guru PJ di sekolah, telah menyenaraikan enam faktor iaitu dilema kerjaya, salah konsep kerjaya, perkembangan kerjaya, hubungan dalam pekerjaan, keadaan persekitaran kerja dan status personal.

Justeru, kemampuan guru dalam menjayakan pelan perancangan yang dibina perlu dinilai dan diambil kira. Tugasan guru kian mencabar berbanding waktu dahulu. Bertepatan dengan tema Hari Guru 2011, iaitu “Guru Penjana Transformasi Pendidikan Negara,” guru sebagai pendokong perubahan dan pelaksana pelan sasaran menuju ke arah negara maju 2020. Kebiasaan perubahan menghasilkan sesuatu kesan, sama ada menjadi motivasi atau menjadi punca kebimbangan (Seaward, 2006). Kebimbangan melampau akan menyebabkan kegusaran, seterusnya menyebabkan guru mengalami stres. Selaras dengan dapatan Gold dan Roth (1993) yang mengenal pasti faktor stres guru adalah disebabkan perubahan pelaksanaan sistem pendidikan.

1.3 Pernyataan Masalah

Perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah antara faktor menyebabkan guru mengalami stres (Ismail & Abdullah, 2019). Kerjaya guru merupakan profesion yang paling berisiko untuk mengalami stres hingga menyebabkan kemurungan (Bhuvaneshwari, 2013). Beban tugas yang berlebihan menyebabkan stres hingga terjadi konflik peranan dalam menyempurnakan tanggungjawab yang diberikan dalam sesebuah organisasi. Stres yang berlebihan boleh mendatangkan kesan yang kurang baik terhadap kesihatan pekerja atau individu (*Ontario Safety Association for Community and Healthcare*, 2015).

Konvensyen Pendidikan Kebangsaan ke-21, Mahdzir (2015) menyebut beban tugas guru, isu yang sama di sebut oleh Maszlee Malik (2019) dalam sambutan hari guru 2019 “Sebagai Menteri Pendidikan, sehingga ke hari ini, saya sendiri mendapat beribu pandangan berkaitan masalah beban guru yang saya tahu isunya sangat meruncing”. Selari dengan dapatan kajian Tajulashikin et.al. (2017), dinyatakan bahawa stres guru semakin meningkat setiap tahun. Kebanyakkan kajian menggunakan instrumen stres guru secara umum. Manakala guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian pedagogi mata pelajaran. Contohnya, pedagogi pengajaran PJ berbeza dengan pengajaran Sains.

Kemampuan dan keupayaan murid sewaktu menerima pengajaran guru juga berbeza. Manakala pengajaran PJ bidang psikomotor berlangsung di padang, manakala bidang kognitif berlaku di dalam kelas. Di samping itu, penghayatan budaya timur serta keutuhan pegangan ajaran agama masyarakat Melayu Malaysia, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran PJ (psikomotor), murid diasing mengikut jantina di sekolah menengah murid perempuan di ajar guru perempuan manakala murid lelaki di ajar oleh guru lelaki.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti faktor stres guru menggunakan instrumen yang mengukur faktor stres khususnya dalam kalangan guru PJ. Ini adalah kerana kekurangan sumber kajian serta tanggapan sesetengah pihak yang mengatakan subjek PJ kurang penting (Shahrum, 2007). Di samping isu stres dalam kalangan guru yang kian meningkat, kajian stres guru berdasarkan pengkhususan dapat membantu pihak berwajib menangani permasalahan stres guru lebih tepat. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian untuk mengenal pasti faktor stres guru PJ dan perbezaannya berdasarkan demografi. Instrumen *Occupational Stress Inventory* (OSI) (Awadhesh, 2015) digunakan untuk mengenal pasti faktor stres guru PJ.

Instrumen OSI menetapkan enam faktor stres guru PJ iaitu dilema kerjaya, perkembangan kerjaya, salah konsep kerjaya, keadaan persekitaran kerja, hubungan dalam pekerjaan dan status personal. Kajian ini difokuskan untuk mengenal pasti faktor stres dalam kalangan guru PJ di Selangor dan perbezaan berdasarkan demografi dengan keseluruhan konstruk faktor penyumbang stres guru PJ (Awadhesh, 2015).

1.4 Objektif Kajian

Berikut disenaraikan objektif kajian untuk mengenal pasti faktor stres guru PJ sekolah menengah di Selangor;

- 1.4.1 Mengenal pasti faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah kebangsaan di Selangor.
- 1.4.2 Menentukan perbezaan faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan demografi (jantina, gaji, pengalaman mengajar, umur, kelulusan akademik, dan lokasi tempat mengajar).

1.5 Persoalan Kajian

Berikut disenaraikan beberapa persoalan kajian yang dibina untuk pengkaji mencapai objektif kajian yang dinyatakan;

- 1.5.1 Apakah faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor?
- 1.5.2 Adakah terdapat perbezaan faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan jantina?
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan lokasi tempat mengajar?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan pengalaman mengajar?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan umur?
- 1.5.6 Adakah terdapat perbezaan faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan gaji guru?
- 1.5.7 Adakah terdapat perbezaan faktor stres dalam kalangan guru PJ sekolah menengah di Selangor berdasarkan kelulusan akademik?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan daripada kajian yang lebih menjurus kepada faktor penyumbang stres dalam kalangan guru opsyen PJ dapat dikenal pasti dan ditentukan perbezaan stres berdasarkan demografi. Penyelidik berharap dapatan kajian akan dapat memberikan manfaat serta menyumbang kepada penyelesaian isu stres dalam kalangan guru PJ berdasarkan demografi (jantina, gaji, lokasi tempat mengajar, kelulusan akademik dan umur).

Selain itu semua pihak harus maklum akan kewujudan stres dalam kalangan guru, namun begitu kebanyakan guru kurang kemahiran untuk mengendalikannya (Gold & Roth, 1993). Tang dan Yeung (1999) menyatakan berkenaan kepentingan pengetahuan guru dalam memahami faktor dan kesan stres yang berpotensi mengganggu serta merosakkan psikologi kesihatan. Maka, diharapkan dapatan kajian yang menjurus mengikut bidang dan mata pelajaran, membantu guru mengenal pasti dan bertindak menguruskan stres dengan sebaiknya.

Generasi baru perlu memperlengkapan diri agar mampu menghadapi persaingan dunia maju penuh cabaran tanpa sempadan dalam membina negara di masa depan (KPM, 2006). Guru merupakan profesion yang berperanan besar dalam menyediakan generasi akan datang di Malaysia. Guru perlu hebat dan bebas daripada belenggu masalah stres semasa menyempurnakan tanggungjawab mendidik dalam merealisasikan hasrat kementerian membina generasi hebat masa depan. Jangan disebabkan faktor guru-guru stres menjadi penyumbang kepada kegagalan perancangan matlamat pendidikan negara bagi melahirkan generasi yang mampu menyumbang sesuatu yang terbaik ke arah negara maju

Dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat menambahluaskan lagi sumber rujukan berkaitan permasalahan stres khususnya yang melibatkan guru PJ dan penemuan-penemuan baru menguatkan lagi dapatan berkaitan teori atau model stres guru yang dirujuk. Di samping itu, kajian ini boleh menjadi sumber maklumat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam merancang, membangun dan memelihara martabat guru. Seterusnya, melalui kajian ini juga boleh menjadi dorongan kepada penyelidik lain untuk melakukan kajian mendatang berkaitan stres dalam kalangan guru PJ tempatan.

1.7 Skop Kajian

Pelaksanaan kajian berdasarkan skop ditetapkan untuk memenuhi keperluan kajian yang dilakukan. Skop kajian yang ditentukan seperti berikut;

- 1.7.1 Kumpulan sasar kajian adalah guru opsyen Pendidikan Jasmani dan guru opsyen Sains Sukan yang mengajar PJ di sekolah menengah. Oleh itu, generalisasi kajian hanya terhadap guru opsyen PJ atau Sains Sukan yang mengajar PJ di Selangor. Populasi kajian terdiri daripada guru tetap yang mengajar di Selangor dengan tujuan untuk mengenal pasti faktor stres guru PJ. Oleh itu, persoalan kajian tentang faktor stres yang dihadapi oleh responden kajian di luar dari tempat kerja adalah di luar skop kajian.
- 1.7.2 Tujuan penyelidikan adalah untuk mengenal pasti faktor penyumbang stres dalam kalangan guru PJ menggunakan Instrumen *Occupational Stress Questionnaire* (OSQ) (Awadhesh, 2015). Skop kajian hanya menumpukan enam konstruk faktor penyumbang stres dalam kalangan guru PJ, iaitu dilema kerjaya, perkembangan kerjaya, salah konsep kerjaya, keadaan persekitaran kerja, hubungan dalam pekerjaan dan status personal.

1.8 Limitasi Kajian

